

Terap semangat kaizen — PM

KUALA LUMPUR 19 April — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru kakitangan awam menyerapkan semangat *kaizen* atau berusaha meningkatkan kecekapan pada diri masing-masing setiap kali mengulangi sesuatu pekerjaan.

Kata beliau, semangat itu perlu dijadikan satu tabiat, dan seterusnya tertanam di dalam diri mereka sehingga menjadi sikap yang terus diamalkan semasa bekerja.

Dengan itu, tegas Perdana Menteri, kakitangan awam tidak perlu lagi menunggu sehingga kerajaan

memperkenalkan satu sistem baru untuk meningkatkan produktivi dan kecekapan bekerja.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Dalam Negeri 1993 di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Seramai 46 pegawai dan kakitangan daripada KDN, tiga daripada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dan dua daripada Jabatan Pertahanan Awam menerima anugerah khidmat cemerlang.

Dr. Mahathir berkata, kakitangan awam juga

1794
harus mencari cara dan mencipta sistem mereka sendiri untuk meningkatkan kecekapan bekerja.

“Oleh itu, graf mutu kerja kita akan sentiasa meningkat dan bukannya statik atau merosot,” ujarnya.

Beliau berkata, manusia adalah sejenis makhluk yang tertakluk kepada tabiat, iaitu sekiranya mempunyai tabiat yang baik, maka ia akan menjadi seorang yang baik, begitulah sebaliknya.

“Jadi cubalah menanamkan tabiat memperbaiki mutu bekerja sebaik sahaja kita mengulangi pekerjaan itu,” ujarnya.